

22 AUG 1996

PRESIDEN ARGENTINA TIBA UNTUK LAWATAN LIMA HARI

KUALA LUMPUR, 22 Ogos (Bernama) -- Presiden Argentina Carlos Menem tiba di sini hari ini untuk memulakan lawatan lima hari ke Malaysia.

Beliau disambut oleh Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi setibanya di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah.

Pesawat khas yang membawa Menem dan rombongannya, yang termasuk Menteri Luar Guido Di Tella dan pegawai-pegawai lain, mendarat pada kira-kira pukul 8 pagi.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengunjungi Menem selepas majlis sambutan rasmi di Medan Parlimen petang ini.

Malam ini Menem dijadual menghadap Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'far dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah di Istana Negara sebelum menghadiri jamuan negara.

Ketua negara Argentina itu dijangka mengadakan perbincangan dengan Dr Mahathir esok.

Beliau akan juga menerima Ijazah Kehormat Undang-undang dari Universiti Kebangsaan Malaysia.

Menem akan melawat Pelabuhan Barat di Pelabuhan Klang pada hari Sabtu sebelum berlepas ke Jakarta pada hari Isnin.

-- BERNAMA

MAM AKD